

lokal

KONGSI TIP MILIKI RUMAH

Sisipan P&P Harian Metro bantu masyarakat peroleh maklumat berkaitan hartanah



PAMERAN HARTANAH
20 - 22 September 2019 | 10 pagi - 10 malam
Kuantan City Mall, Pahang

 MyRumah99

Oleh Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Kuantan

Sisipan baharu akhbar Harian Metro, Pemaju dan Pemilik (P&P) dijangka membantu orang ramai terutama pemain industri hartanah memperoleh maklumat tepat dan terkini mengenai sektor hartanah di seluruh negara.

Pengarang Kumpulan Harian Metro, Tuan Asri Tuan Hussein berkata, sisipan yang diterbitkan setiap Jumaat itu bermatlamat menyampaikan informasi berkaitan hartanah serta berkongsi tip mengenai pemilikan rumah dan hartanah komersial.

Beliau berkata, sisipan enam hingga lapan muka surat itu juga sebagai satu daripada beberapa ruangan dan sisipan baharu diperkenalkan akhbar itu selepas menjalani proses penambahbaikan Isnin lalu.

"Antara objektif utama sisipan ini untuk menyampaikan maklumat tepat dan terkini mengenai pelbagai sektor hartanah negara, jenis kediaman hinggalah kepada komersial atau industri sesuai dengan falsafah Rumahku Syurgaku.

"P&P akan berusaha menggarap isu berkaitan pemaju serta menawarkan tip bagi pembeli serta pemilik hartanah di samping



P&P akan berusaha menggarap isu berkaitan pemaju serta menawarkan tip bagi pembeli serta pemilik hartanah di samping memperkenalkan projek hartanah baharu di serata tanah air"

Tuan Asri

memperkenalkan projek hartanah yang baharu di serata tanah air," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas turut serta bersama Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Mohd Johari Hussain merasmikan pameran hartanah MyRumah 2019 dan sisipan P&P di kompleks beli belah Kuantan City Mall, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Datuk Yushaimi Maulud Yahaya dan Pengurus Besar Pengiklanan NSTP, Jeannie Leong.

Sementara itu, Yushaimi berkata, pameran hartanah MyRumah 2019 di daerah itu mampu menjadi batu loncatan kepada pemaju hartanah untuk mengemukakan tawaran menarik kepada orang ramai yang ingin membuat pelaburan dalam industri perumahan dan bangunan komersial.

Beliau berkata, pemaju perumahan berprestij seperti LBS Bina Group, O&C



MOHD Johari (tiga dari kanan) bersama Yushaimi (dua dari kiri), Tuan Asri (dua dari kanan) serta Jeannie (kanan) melihat sisipan akhbar Harian Metro, P&P.

Properties (Kuantan) dan UDA Land (East) sudah tentu mempunyai strategi tersendiri dalam menarik orang ramai memiliki hartanah.

Katanya, agensi seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN), Konsortium Perumahan Rakyat Terengganu (KOPERAT), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) serta Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) juga mampu mengetengahkan projek hartanah yang bukan saja tertumpu di Pahang, malah di Terengganu dan Shah Alam.

"Sudah tentu kita menasaskan banyak unit rumah terjual dalam pameran kali ini, kita tidak dapat jangka berapa banyak tapi kita harap ia mampu melepasi jangkaan ditetapkan," katanya.

PENGUNJUNG pameran Hartanah MyRumah 2019 melihat akhbar Harian Metro dan sisipan baharu, Pemaju dan Pemilik (P&P).